

27 JUL 1998  
Mahathir-Afrika  
SAID'98 BINCANG MASALAH MATAWANG

Oleh: Zulkifli Salleh

SWAKOPMUND (Namibia), 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membincangkan masalah kejatuhan matawang di Asia, yang kini merebak ke Afrika Selatan dan kemungkinan ke negara-negara Afrika lain, pada Persidangan Antarabangsa Selatan Afrika '98 (SAID).

Perdana Menteri berkata pemimpin-pemimpin Afrika berminat untuk mengetahui perkembangan di Asia Tenggara khususnya masalah matawang dan beliau telah mengambil kesempatan itu untuk menerangkan apa yang berlaku.

"Kita terangkan bahawa kita tidak dapat menerima apa yang datang dari Barat bulat-bulat. Kita tidak boleh terlalu percaya. Saya jelaskan apa yang berlaku dan kemungkinan mereka juga menghadapi masalah itu," katanya kepada wartawan Malaysia pada persidangan itu, yang masuk hari kedua dan akan berakhir esok.

Ditanya sama ada kemungkinan persidangan itu mengambil keputusan untuk mengambil pendirian bersama dalam menghadapi masalah matawang, Perdana Menteri berkata: "Mereka berpendapat perkara matawang merupakan masalah besar yang memerlukan tindakan antarabangsa dan ini memerlukan pendirian ramai."

"Walaupun belum ada kata sepakat, mereka berpendapat jika tidak ada kerjasama yang mereka sebut sebagai kerjasama Afro-Afrika, sukar bagi negara-negara dunia untuk mengambil tindakan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau dan pemimpin-pemimpin Afrika berpeluang untuk membincangkan perkara itu dengan lebih lanjut kerana dijadualkan bertemu di Dialog Antarabangsa Langkawi '99 (LID '99) dan pada satu persidangan berkaitan perkongsian pintar di Jordan kelak.

"Kita harus ingat bahawa sementara masalah matawang merupakan masalah besar, mereka (negara-negara) Afrika ada masalah lain...," kata beliau.

Menurutnya pemimpin-pemimpin selatan Afrika kini sangat berminat dengan konsep perkongsian pintar dan mahu melaksanakannya bagi kebaikan bersama.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat dengan arah aliran itu, kemungkinan negara-negara selatan Afrika untuk berjaya memajukan diri mereka, adalah baik.

"Nampaknya pemimpin-pemimpin Afrika begitu berminat dengan konsep perkongsian pintar...mereka telah menunjukkan penyertaan yang begitu tinggi sekali dalam perbincangan yang dijalankan dengan bersungguh-sungguh," katanya mengulas kemajuan persidangan itu yang masuk hari kedua.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, tiba di sini Sabtu lalu dari lawatan dua hari ke Afrika Selatan untuk menghadiri persidangan tiga hari itu.

Tujuh orang ketua negara Afrika menyertai persidangan itu, yang diadakan bagi kedua dan mencontohi LID yang mula diadakan pada 1996.

"Ini bermakna mereka mendapat faedah daripada segala usaha kerjasama yang dijalankan di dalam atau luar negara sama ada antara kerajaan, sektor swasta dan pekerja, tidak seperti dalam sistem "zero sum game" yang hanya satu pihak untung dan pihak lain rugi," katanya.

Dr Mahathir juga mengadakan perbincangan-perbincangan dua hala dengan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma pada Sabtu, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe ketika mengunjungi beliau semalam serta beberapa pemimpin Afrika yang lain.

Dr Mahathir berkata Presiden Nujoma sangat berminat untuk merapatkan hubungan dengan Malaysia dan meminta Malaysia menghantar pegawai-pegawainya ke Namibia untuk membantu negaranya dalam bidang-bidang tertentu.

Nujoma juga menawarkan Malaysia peluang untuk melombong kekayaan bahan

galian yang terdapat di Namibia, kata Perdana Menteri.

Presiden Tanzania Benjamin Mkapa dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir membincangkan mengenai kemajuan projek janakuasa elektrik di negara yang diusahakan bersama dengan pihak Malaysia.

Antara tokoh-tokoh korporat yang menyertai dialog itu ialah pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, ketua eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohamad Said Mohd Ali dan Datuk Tengku Azzman Shariffudeen dari MIMOS.

Dialog itu ditaja bersama oleh Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CPTM), yang pengerusinya ialah Penasihat Sains kepada Kerajaan Malaysia Tan Sri Dr Omar Rahman.

Dialog itu, yang disertai 14 negara di selatan Afrika bertemakan "Perkongsian Pintar Bagi Pengurusan Hasil Kekayaan di Selatan Afrika", bertujuan memperkukuhkan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta melalui perkongsian pintar.

SAID pertama diadakan di Kasane, Botswana tahun lepas.

--BERNAMA

ZKS NAK